

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 FEBRUARY 2017

Dasar Angkasa pacu ekonomi

Um - 8/2/2017

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
penarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 FEB.

MAJLIS Sains Negara (NSC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersetuju mewujudkan Dasar Angkasa Negara yang berpotensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi strategik.

Penggubalan dasar yang menjadi platform pembangunan teknologi itu membolehkan perancangan dan pembangunan sektor angkasa negara dilaksanakan dengan teratur serta diurus secara lebih cekap.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meletakkan harapan terhadap golongan muda untuk menceburi bidang astronomi dan astrofizik serta membangunkan kedua-dua bidang itu agar setanding dengan negara maju.

"Pada awal tahun ini, kita telah



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

mendengar berita tentang kejayaan luar biasa saintis muda Malaysia dalam bidang penyelidikan saintifik astrofizik iaitu Nur Adlyka Ainul Annuar yang berjaya membongkar kewujudan *supermassive black holes* (lohong hitam gergasi).

"Besarnya harapan saya semoga kejayaan ini dapat memberi perangsang dan inspirasi kepada generasi muda serta menyuntik semangat dan motivasi kepada penyelidik fizik dan astronomi tempatan," katanya dalam ucapan pembukaan

mesyuarat itu di sini hari ini.

Mesyuarat itu bersetuju menerima pakai Kod Tatalaku Bertanggungjawab Dalam Penyelidikan Malaysia (MCRCR) sebagai kod etika dan sumber rujukan utama bagi semua penyelidik di negara ini.

Najib menegaskan, kod etika berkenaan adalah penting untuk para penyelidik mempertahankan reputasi sesuatu penyelidikan.

Malangnya, kata Perdana Menteri, kerap kedengaran laporan berkaitan salah laku penyelidik seperti meniplak dan memutarbelitka fakta dalam penyelidikan mereka, justeru perkara seumpama itu perlu dielak dan dibendung.

"MCRCR digubal sebagai kod etika untuk meningkatkan daya saing negara dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi yang akan menjadi rujukan utama dan digunakan oleh pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, universiti dan pemain industri," katanya.

Turut dipersetujui dalam mesyuarat itu adalah pelaksanaan mekanisme rangkaian kolaboratif untuk mewujudkan industri baharu yang berpaksikan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).